

# Pembukaan kedutaan Kosovo perkasa hubungan dua hala

BERITA HARIAN

03 MAY 2025

M/S: 3

Anwar beri jaminan rundingan peringkat rasmi disegerakan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Malaysia dan Kosovo terus memperkasa hubungan perdagangan serta pelaburan di antara kedua-dua negara, terutama dengan pembukaan kedutaan republik itu secara rasmi di Kuala Lumpur, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, pembukaan kedutaan itu satu pencapaian penting dalam hubu-

ngan dua hala antara kedua-dua negara dan secara langsung memudahkan urusan perdagangan, pelaburan, pendidikan, kebudayaan serta pelancongan.

“Ini termasuk produk halal kerana pensijilan halal Malaysia diiktiraf pada peringkat antarabangsa, begitu juga dengan eksport produk dari Malaysia ke Kosovo dan sebaliknya.

“Namun, yang lebih penting ialah kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan supaya kita dapat memanfaatkan kekuatan Kosovo serta hubungan kukuhnya dengan Kesatuan Eropah (EU),” katanya pada sidang media bersama sempena lawatan rasmi empat hari Presiden Kosovo, Dr Vjosa Osmani Sadriu ke Malaysia.

Difahamkan, Pejabat Kedutaan Kosovo di Kuala Lumpur sudah beroperasi sejak dua bulan lalu.

Dalam pada itu, Anwar ber-

kata, beliau memberi jaminan kepada Osmani, iaitu rundingan dua hala pada peringkat rasmi akan disegerakan bagi memastikan kesinambungan program, projek serta hubungan dagangan serta ekonomi dapat diperkasa.

“Saya menantikan lebih banyak kerjasama, selain daripada kerjasama teknikal dan program lain. Percayalah kita tidak melihat hubungan ini sebagai satu urusan diplomatik biasa.

“Malaysia benar-benar komited sebagai rakan sejati, yang komitmennya melangkaui hubungan diplomatik biasa kepada perdagangan, pelaburan dan hubungan bermakna di antara kedua-dua negara,” katanya.

## Isu antarabangsa

Perdana Menteri berkata, selain hubungan mengenai kedua-dua negara, mereka turut membincangkan beberapa isu antara-

bangsa kerana mempercayai prinsip kemerdekaan, hak asasi manusia serta penghormatan terhadap maruah manusia.

“Perbincangan kami merangkumi pelbagai isu global, dari Palestin sehingga usaha damai di banyak bahagian dunia,” katanya.

Terdahulu, Osmani yang dalam lawatan empat hari ke Malaysia diberi sambutan rasmi di Bangunan Perdana Putra.

Yang turut hadir, kedua-dua Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta anggota Jemaah Menteri.

Osmani kemudian memeriksa pasukan Kawalan Kehormatan terdiri daripada 103 anggota dan tiga pegawai dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja.

Kedua-dua pemimpin kemudian membincangkan usaha me-

ingkatkan kerjasama dua hala, khususnya dalam bidang perdagangan, pelaburan, pendidikan serta kesalinghubungan antara rakyat.

Malaysia mengiktiraf Kosovo secara rasmi pada 30 Oktober 2008 dan antara negara di Asia yang pertama mengambil pendekatan terbabit. Hubungan diplomatik rasmi seterusnya ditubuhkan pada 18 Mac 2021.

Pada tahun lalu, jumlah dagangan dua hala mencecah RM28.55 juta, dengan jumlah eksport Malaysia ke Kosovo mencecah RM25.92 juta, manakala jumlah import daripada Kosovo sebanyak RM2.63 juta.

Eksport utama Malaysia ke Kosovo adalah minyak sawit, produk elektrik dan elektronik serta hasil kilang, manakala import daripada Kosovo terdiri daripada bahan mentah serta batuan separa berharga.